

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

4. Adakah Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burong boleh dijadikan lokasi untuk menjana tenaga yang diperbaharui dari sumber pelupusan sampah seperti yang dilakukan di Negara Jepun?
- (a) Sekiranya ada, apakah pelan tindakan yang telah diambil?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burong boleh dijadikan lokasi untuk menjana tenaga yang diperbaharui dari sumber pelupusan sampah.
- (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melantik PLB Terang Sdn. Bhd sebagai kontraktor yang menjalankan operasi dan penyelenggaraan Tapak Pelupusan Pulau Burong sehingga 2032. Mengikut perjanjian yang ditandatangani, kontraktor boleh mencadangkan apa-apa teknologi baharu untuk menjana tenaga yang diperbaharui. Pembangunan Fasa 3 termasuk penyediaan rizab untuk kegunaan pembangunan dan perkembangan masa hadapan (*Future Development and Expansion*) di mana salah satu opsyen adalah bagi kegunaan *Composting* atau *Refuse-Derived Fuel Facility*. Walau bagaimanapun sehingga kini pihak kontraktor belum mengemukakan apa-apa cadangan untuk menjana tenaga yang diperbaharui dari sumber pelupusan sampah.